

"KAJIAN PERBANDINGAN: PENGGUNAAN BAHAN PETROLIUM
JENIS PREMIUM DIANTARA SYARIKAT-SYARIKAT MINYAK
DIKAWASAN SUBANG JAYA."

HASIL USAHA: KUMPULAN 19.

<u>NAMA</u>	<u>IC IFM</u>
AZIZAH MAJI MUHD. SHAARI	83035690
ALUIYAH ABD. RAHMAN	83228781
AZLIN ROSE AZIZAN	83088759
HARIZA OPAR	83460222
MERIAM SURIA	82383572
NAHTA NIDHII	82588061
NORULLDIN ISMAIL	83219163

DARI:

DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES,
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN,
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,
SHAH ALAM.

UNTUK:

MATAPELAJARAN 'BUSINESS RESEARCH'
SEMESTER VI.

* I S I K A N D U N G A N *

<u>TAJUK</u>	<u>M/SURAT</u>
PENGHARGAAN	
1) PENGENALAN	1
1.1 Minyak Mentah dan Kewujudannya	
1.2 Usaha Mencari Sumber Petrol	
1.3 Kepentingan Petrol Jenis Premium	
1.4 Kepentingan Kawasan	
1.5 Kepentingan Kajian	
1.6 Sejarah Syarikat-Syarikat Minyak	
2) OBJEKTIF	22
3) PENYATA MASALAH	23
ANDAIAN	24
4) HALANGAN-HALANGAN	25
4.1 Ketetapan Masa	
4.2 Kerjasama	
4.3 Kewangan	
4.4 Pengangkutan	
4.5 Kesesuaian Data	
5) ULASAN KAJIAN BAHAN	27
5.1 Sejarah Minyak Di Malaysia	
5.2 Industri Minyak Di Malaysia	

6)	METODOLOGI	30
6.1	Sampel	
6.2	Teknik Persampelan	
6.3	Responden	
6.4	Soal Selidik	
6.5	Data Utama	
6.6	Data Peringkat Kedua	
6.7	Analisa Data	
6.8	Tinjauan Rintis (Pilot Testing)	
7)	ANALISA PENEMUAN	36
7.1	Temubual Tertutup	
7.2	Temubual Terbuka	
7.3	Soal Selidik	
8)	KESIMPULAN	85
8.1	Perkhidmatan Yang Baik	
8.2	Lokasi Yang Baik	
8.3	Kualiti Yang Tinggi	
8.4	Promosi	
8.5	Persaingan	
9)	CADANGAN-CADANGAN	92
9.1	Masa Perkhidmatan	
9.2	Perkhidmatan Tambahan	
9.3	Kebersihan Stesyen	
9.4	Menyediakan Kemudahan Kredit	
9.5	Promosi	
9.6	Lokasi	

Pengenalan1.1 Minyak mentah dan keujudannya

Minyak mentah adalah merupakan satu komponen hidrokarbon. Ia telah wujud sejak berjuta-juta tahun yang lalu dalam dasar laut. Air laut yang masin adalah sesuai untuk plankton membiak. Plankton adalah sejenis bahan organik yang merupakan punca minyak asli yang dihasilkan. Plankton-plankton ini akan hidup membiak dan kemudian mati dan berkumpul di dasar laut. Lapisan-lapisan plankton yang mati ini kemudiannya diliputi pula oleh lapisan-lapisan pasir dan tanah. Lapisan demi lapisan meliputi permukaan laut menjadikan ianya semakin tebal.

Oleh kerana tekanan air dan gas, lapisan-lapisan tanah dan bahan organik ini menjadi bentuk kubah yang keras. Lama-kelamaan, disebabkan oleh tekanan kepanasan tindakan bahan kimia, perubahan masa, bahan-bahan organik dan tanah tadi telah bertukar menjadi minyak mentah dan gas.

Minyak mentah merupakan sumber penting minyak pelincir yang membolehkan mesin-mesin pengangkutan, perindustrian dan pertanian berjalan lancar. Selain daripada itu minyak mentah juga menghasilkan produk-produk yang lain yang mana lebih penting seperti regular, kerosene, disel, LPG minyak fuel. Produk-produk lain hasil dari minyak mentah adalah barang-barang plastik, gas petroleum cecair, serbuk pencuci, minyak wangi dan lain-lain.

1.2 Usaha mencari sumber petroleum

Sememangnya petroleum menyumbangkan kepada kita satu kualiti kehidupan yang lebih mewah. Oleh kerana ia adalah satu sumber yang berkurangan, penyelidikan keatasnya dibuat dengan teliti seperti kajian seismik yang digunakan untuk menepati dan menentukan kawasan struktur petroleum.

Penggerudian minyak dilakukan dengan program jangka panjang yang memakan belanja yang besar. Ia diatur dengan baik untuk menentukan samada sesuatu kawasan petroleum itu berpotensi secara perdagangan. Program ini bermula dengan ujian telaga, disusuli dengan penggerudian pembangunan dan perolehan minyak.

1.3 Kepentingan petrol jenis premium

Bahan kajian ini adalah ditumpukan khusus kepada petrol jenis premium kerana bahan ini digunakan oleh kebanyakan pengguna secara meluas. Petrol premium juga lebih bermutu jika dibandingkan dengan jenis petrol yang lain seperti 'biasa' (regular) kerana kesesuaiannya dengan enjin dan juga kandungan bahan itu sendiri yang menyebabkan harganya lebih tinggi.

1.4 Kepentingan kawasan

Skop kajian ialah di kawasan Subang Jaya, Selangor. Sebab mengapa Subang Jaya telah dipilih ialah kerana di kawasan ini terdapat kesemua jenis jenama untuk kajian perbandingan ini. Tambahan pula kedudukan stesen-stesen minyak tersebut berdekatan diantara satu sama lain,